

Subsidi RON95 untuk rakyat pada RM1.99 seliter

Lebih 16 juta warganegara dapat manfaat menerusi BUDI95

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Semua warganegara yang mempunyai lesen memandu sah, layak menikmati harga petrol bersubsidi RON95 pada kadar RM1.99 seliter sehingga 300 liter sebulan, tanpa mengira had pendapatan masing-masing, bermula 30 September ini.

Berdasarkan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), dianggarkan lebih 16 juta rakyat negara ini layak menerima subsidi terbabit yang diagihkan menerusi Program BUDI MADANI RON95 (BUDI95).

Susulan penyasaran bahan bakar menerusi BUDI95, bukan warga negara yang tidak layak menikmati subsidi yang diagihkan kepada rakyat perseorangan itu, perlu membayar pada kadar harga tanpa subsidi iaitu RM2.60 seliter.

Untuk menikmati kemudahan subsidi terbabit, semua rakyat hanya perlu memastikan cip pada MyKad masing-masing berfungsi dengan sempurna serta memiliki lesen memandu yang sah.

Mereka tidak perlu terburu-buru menyemak status cip berkenaan di JPN, jika masing-masing sudah memanfaatkan Program Penghargaan SARA (Sumbangan Asas Rahmah) yang diagihkan kerajaan sejak 31 Ogos lalu.

Penyasaran subsidi RON95 ini dijangka membolehkan kerajaan menjimatkan di antara RM2.5 bilion hingga RM4 bilion setahun, bergantung harga pasaran global dan kadar itu dapat dicapai sekiranya harga minyak mentah berada kira-kira AS\$75 satu tong.

Ketika mengumumkan pelaksanaan BUDI95, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Malaysia adalah satu-satunya negara yang berani mengambil langkah menurunkan harga minyak kepada rakyatnya dan tidak untuk warga asing.

"Dasar ini dilakukan dalam keadaan negara masih terbeban dengan hutang yang kita warisi tetapi dapat dilakukan kerana ada



"Golongan B40 yang juga penerima STR (Sumbangan Tunai Rahmah), boleh mula menikmati harga RM1.99 seliter bermula Ahad, 28 September ini"



Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri

tahap kecekapan yang baik, hasil lebih baik.

"Mengelakkan daripada ketirisan yang pernah berlaku atau kelompok yang besar umpamanya penyeludupan yang mengelak daripada pembayaran cukai, ini kalau dapat dikurangkan, maka pulangan kepada rakyat itu lebih baik," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut menyenaraikan harga minyak seliter di beberapa negara, antaranya Arab Saudi (RM2.61); Indonesia (RM3.22); Filipina (RM4.22); Thailand (RM5.68) dan Singapura (RM9.02).

BUDI95 mulai 30 September

Anwar berkata, penyasaran subsidi BUDI95 bermula 30 September ini dengan semua warga negara layak membeli pada harga RM1.99 dan pada masa sama harga di pam dinaikkan kepada harga tanpa subsidi.

"Sebagai penghargaan sebelum tarikh kuat kuasa itu, warga polis dan tentera akan mula menikmati harga RM1.99 seliter bermula Sabtu pada 27 September ini.

"Golongan B40 yang juga penerima STR (Sumbangan Tunai Rahmah), boleh mula menikmati harga RM1.99 seliter bermula Ahad, 28 September ini. Pelaksanaan ini supaya rakyat membiasakan diri dengan mekanisme RON95 secara berperingkat," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia layak menggunakan petrol RON95 sebanyak 300 liter sebulan di bawah inisiatif BUDI95, namun bagi pemandu e-hailing, mereka dikecualikan daripada had itu, sebaliknya boleh memohon untuk jumlah lebih tinggi.

Mengulas mengenai had pembelian RON95 yang ditetapkan pada kadar 300 liter itu, beliau menjelaskan bahawa secara purata ketika ini pemandu negara ini mengguna di antara 150 hingga 250 liter sebulan, kecuali e-hailing.

Anwar memberijaminan, hasil penyasaran subsidi akan dipulangkan kepada rakyat menerusi pelbagai inisiatif lain, khususnya menambah baik infrastruktur termasuk membaik pulih kerosakan akibat bencana seperti dialami di Sabah, kerosakan amat besar membabitkan institut perguruan, sekolah, klinik dan jalan raya.

Beliau berkata, pelaksanaan penyasaran subsidi seperti diesel yang dilaksanakan sebelum ini membantu kerajaan melaksanakan pemberian Penghargaan SARA berjumlah RM100 seorang kepada rakyat.

"Kita mampu memberikan hasil kembali kepada rakyat seperti Penghargaan SARA. Walaupun RM100 seorang tetapi implikasi kewangan kepada kerajaan itu RM2 bilion, ini dapat dilakukan kerana penyasaran subsidi minyak diesel dahulu.

"Sekarang penyasaran subsidi (RON95) naik sedikit untuk bukan warga negara, (tetapi) turun bagi rakyat dan tentunya hasil pulangan itu akan kembali kepada rakyat," katanya.